

INDONESIA DAN IRIAN

Irian adalah sekarang menjadi suatu masalah yang besar dan rumit di antara kerajaan Indonesia dengan kerajaan Belanda. Irian ialah bahagian barat bagi Pulau Papua atau New Guinea yang dahulunya terletak di dalam jajahan Belanda iaitu suatu daerah yang termasuk di dalam lingkungan pemerintahan Sultan Tidore yang luasnya 151,189 batu persegi yang berpenduduk hanya sebanyak 195,000 orang termasuk 3000 orang Eropah. Kawasan ini pada masa sebelum perang dahulu terkenal sebagai tempat buangan ahli-ahli siasah Indonesia (Deigol) yang pada suatu masa oleh kerana begitu sekali perasaan “Kebangsaan” mereka telah digelar “Mekah bagi orang Indonesia” oleh ahli-ahli “kebangsaan” itu. Negeri ini telah terbuka ialah sesudah terbit Perang Dunia yang Kedua di dalam mana ia telah dijadikan pengkalan-pengkalan perang Pihak Berikat daripada serbuan-serbuan Jepun dan kerana itulah negeri itu telah terbuka dengan cepat lebih daripada apa yang dijangka.

Apabila diadakan persidangan meja bundar di antara orang-orang Indonesia dengan pemerintahan Belanda di Holland menyelesaikan perselisihan mereka maka perkara Irian ini adalah menjadi punca yang hampir-hampir membawa kepada persetujuan itu tidak didapat dan akhirnya telah dipersetujukan supaya dalam masa setahun lamanya Irian itu diletakkan di bawah

perintahan Belanda. Dengan sebab keputusan itulah apabila Presiden Sukarno balik ke Jakarta pada 28 Disember 1949 sehari sesudah hari penyerahan itu di dalam ucapannya ia telah mengatakan bahawa “Indonesia belum lagi merdeka sebelum Irian di tangan kita”.

Daripada saat itulah diperjuangkan hal ehwal Irian itu dan nampaknya Presiden Sukarno dengan sifatnya sendiri telah sangat kuat menghendaki supaya Irian itu termasuk di dalam negara Persatuan Indonesia apabila masuk sahaja tahun 1951 ini walau dengan apa jua pun pengorbanan yang mesti diambil atau ditanggung oleh orang-orang Indonesia.

Apabila terzahir bahawa sesudah perjanjian itu pihak Belanda nampaknya tidak mahu menyerahkan Irian sebagaimana perjanjian yang tersebut yang terbukti daripada beberapa sebab yang pertama apabila pada masa menyambut Hari Penyerahan pada 27 Disember 1949 itu kerajaan Belanda di sana telah menegah bendera Indonesia dinaikkan oleh penduduk-penduduk di situ dan kemudian daripada itu berlakulah perkara-perkara pertelingkahan di dalam perkara itu di dalam mana terzahir pula riak-riaknya bahawa kerajaan Australia di atas masalah itu berdiri memihak kepada orang-orang Belanda.

Sebagaimana disebut tadi dengan kemahuan yang cekal dan dengan tidak memikirkan kesan-kesannya maka Presiden Sukarno pada 17 Ogos 1950 telah mengkobarkan semangat orang-orang Indonesia terhadap kepada Irian dengan perkataan berapi-api dengan menyatakan bahawa “kita akan berjuang berhabis-habisan dan perjuangan kita tidak akan tamat selagi Irian belum terletak di tangan kita”.

Terbit daripada inilah di merata-rata tempat di seluruh Indonesia timbul semboyan “Irian pasti masuk Indonesia sebelum matahari terbit 1 Januari 1951”. Keadaan itu bertambah-tambah hebat lagi apabila Presiden Sukarno pada 3 Disember 1950 di dalam perjumpaan Partai

Nasional Indonesia telah mengesyorkan supaya diadakan “boikot” kebangsaan kalau Irian tidak termasuk kepada Indonesia dan dengan kerana semangat telah naik meluap-luap maka orang-orang asing yang tinggal di Indonesia telah menjadi sebegitu gelisah dan sebahagian kecil telah pun meninggalkan Indonesia oleh kerana takut kepada perbuatan-perbuatan yang berleluasa (fanatik) hidup di dalam kejadian itu di dalam mana akan menjadi korban-korban kepanasan hati, korban-korban oleh semangat-semangat yang telah berkobar-kobar di dalam dada rakyat jelata yang membawa kesan bahawa sebahagian besar pihak-pihak kerajaan yang memegang teraju pemerintahan negeri khuatir kepada kejadian-kejadian yang tersebut.

Dengan sebab itu apabila masalah itu meluap-luap dengan tingginya, Perdana Menteri Indonesia, Tuan Mohammad Natsir menyatakan bahawa kerajaan akan menggalang segala percubaan-percubaan yang membinasakan hak dan harta orang-orang Belanda. Kenyataan ini adalah menunjukkan bahawa pihak kerajaan Indonesia mempunyai tanggungjawab yang besar kepada jalan-jalan keamanan dan mencari segala ikhtiar yang boleh menyelenggarakan perkara Irian itu supaya mendapat keuntungan yang besar di dalamnya dengan tidak mengambil sesuatu pengorbanan pun sekalipun persidangan itu telah terbantut.

Daripada punca-punca yang mengetahui menyatakan langkah Presiden Sukarno memberi ucapan-ucapan dari semasa ke semasa menaikkan semangat rakyat dengan tidak membakarkan kesan-kesannya itu telah pun diberi ingat oleh Jemaah Menteri Indonesia supaya Presiden Sukarno berhati-hati mengeluarkan perkataannya di dalam masalah ini oleh kerana di dalam tiap-tiap perkataannya bukannya lagi sebagai ketua parti tetapi perkataannya itu ialah sebagai ketua negara yang bertanggungjawab dan tiap-tiap patah daripada perkataannya itu adalah membawa kesan kepada kedudukan siasah sama ada di luar atau di dalam negara Indonesia – boleh mengeruhkan sesuatu dengan sebegitu segera. Sebab-sebabnya teguran

itu didatangkan ialah oleh kerana umpamanya mengadakan “pemboikotan-pemboikotan” kebangsaan itu mudah dijalankannya tetapi adakah kerajaan telah menyediakan persiapan-persiapan untuk menyelenggarakan kejadian-kejadian yang akan menimpa rakyat jelata. Punca ini menyatakan apabila suatu masa diadakan enggan bekerja di bahagian kepala maka yang menderita rakyat sendiri kerana telah ada kejadian sebahagian daripada rakyat-rakyat itu menderita kelaparan. Sebelum membuat sesuatu hendaklah difikir lebih dahulu kesan-kesannya dan kekuatan negeri dan sebab itulah pentadbiran kerajaan mencari ikhtiar yang lebih sesuai. Melayan pentadbiran-pentadbiran Belanda yang mungkir janji itu dengan langkah yang lebih sesuai iaitu memecahkan perikatan mereka di dalam perjanjian meja bundar di Holland itu dan menjadikan Pesuruhjaya di Holland atau Indonesia itu ditukar menjadi Duta yang kesannya ialah orang-orang Belanda itu tidak lagi dipandang sebagai orang yang bekerjasama tetapi dipandang sebagai sebuah kerajaan yang bersahabat.

Cadangan-cadangan itu telah dibawa di dalam persidangan Parlimen Indonesia tetapi kemudian diputuskan bahawa perkara itu diserahkan kepada kerajaan mencari ikhtiar supaya jangan terpecah ikatan itu dan yang demikian ditangguhkanlah selama dua bulan supaya kerajaan mencari jalan untuk menyelesaikan perkara itu dengan lebih sempurna. Langkah inilah sekarang yang telah dihidupkan oleh pihak kerajaan Indonesia dan dengan sebab itulah sebelum masuk tahun 1951 Presiden Sukarno tidak dapat memberi suatu ucapan yang tepat berkenaan dengan Irian sebelum langkah-langkah yang muktamad diambil oleh Jemaah Menteriannya dan inilah sekarang yang telah ditunggu oleh umat Indonesia apakah perkaranya yang muktamad berkenaan dengan Irian itu dijalankan – tahun 1951 telah berjalan tetapi Irian belum juga selesai adanya.